

AGGRESIF DI KALANGAN REMAJA (Part 3)

Azizi Hj Yahaya

Sambungan Gejala Buli

Selain daripada itu, faktor rakan sebaya memainkan peranan penting terhadap perkembangan dan pengukuhan tingkah laku buli, sikap antisosial dan salah laku di kalangan kanak-kanak. Kehadiran rakan sebaya akan menyebabkan pembuli memperoleh sokongan. Rakan sebaya selalunya akan mengambil sikap berdiam diri dan enggan untuk campur tangan, dan mereka beranggapan sesiapa yang campur tangan akan mengundang bencana yang lebih buruk terhadap diri mereka.

Faktor seterusnya ialah faktor sekolah adalah terdiri daripada persekitaran, amalan serta polisi sekolah mempengaruhi aktiviti, tingkah laku serta interaksi pelajar di sekolah. Menurut Azizi Yahaya (2007), sekiranya faktor ini tidak di penuhi, pelajar mungkin akan bertindak untuk mengawal persekitaran mereka dengan melakukan buli terhadap orang lain. Situasi ini menyebabkan pelajar tidak dapat dikawal dan seterusnya menyumbang kepada tingkah laku buli di sekolah.

Tambahan lagi, faktor media menjadi punca kepada merebaknya gejala buli ini. Ini kerana media seperti televisyen sering memaparkan aksi dan tingkah laku yang ganas dan seterusnya mempengaruhi remaja. Perkara ini akan lebih terdedah sekiranya tiada pantauan dari orang dewasa. Meraka akan menganggap aksi-aksi yang ganas sebagai sesuatu yang dibenarkan. Faktor yang terakhir ialah faktor kawalan kendiri kajian Unnever dan Cornell (2003) tentang pengaruh kawalan diri rendah dan *Attention-Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD) terhadap perlakuan buli dan mangsa. Dapatkan kajian menunjukkan kawalan diri yang rendah dan ADHD sebagai faktor kritikal yang menyumbang kepada perlakuan buli dan mangsa buli.

Faktor-faktor di atas adalah faktor yang menyumbang kepada berlakunya perlakuan buli. Dengan adanya kajian-kajian yang berkaitan dengan faktor dan punca perlakuan buli ini, pakar dan pengkaji dapat mencari kesan dan langkah pencegahan perlakuan buli ini. Maka, tindakan yang terbaik dapat diambil sekiranya kesan dan langkah pencegahan dapat dikenal pasti.

Seperti yang kita sedia maklum, perlakuan buli adalah perlakuan ganas yang akan memberi kesan kepada mangsa buli. Kesan perlakuan buli boleh terjadi kepada pembuli, mangsa buli, ibu bapa dan masyarakat. Setelah kita mengetahui faktor-faktor terjadinya buli ini, kita dapat mengenal pasti kesan yang akan di terima oleh pelaku buli, orang yang di buli dan masyarakat amnya.

Kesan perlakuan buli terhadap pembuli akan menyebabkan pembuli tersebut menerima akibat di atas perbuatannya. Menurut Beale (2001) mereka yang menjadi pembuli cenderung 3 kali ganda untuk melakukan jenayah atau pun sesuatu yang menyalahi undang-undang pada ketika usianya 30 tahun berbanding orang biasa. Mereka juga akan terdedah dan terjebak dengan masalah jenayah dan sekali gus mempunyai rekod jenayah. Golongan pembuli selalunya lebih cenderung untuk bergaul dan mempunyai rakan dikalangan orang yang mempunyai masalah yang sama dengan mereka dan ini menyumbang kepada terjebaknya masalah samseng dan gangsterisme.

Manakala, kesan terhadap mangsa buli pula, mereka akan mengalami trauma dan penderitaan yang serius dan cuba akhiri hidup dengan membunuh diri (Beale,2001). Selain itu, rakan-rakan yang lain akan menganggap mereka ini lemah dan gagal. Ini akan menyebabkan mangsa buli mengalami tekanan yang hebat dan menyalahkan diri sendiri di atas kekurangan diri mereka (Olweus,1993). Mereka juga lebih cenderung untuk bersendirian, kerisauan sentiasa, dan bagi remaja mereka tidak mahu ke sekolah. Kesan terhadap ibu bapa pula mereka akan berasa kecewa dan mencari-cari kesalahan mereka mendidik anak. Mereka juga akan berasa mereka gagal untuk mendidik anak menjadi berdisiplin dan patuh pada undang-undang. (Azizi Yahaya, 2007).

Terakhir, perlakuan buli akan membawa kesan yang negatif terhadap masyarakat. Sekiranya kes-kes perlakuan buli meningkat, jenayah seperti memeras ugut, ragut dan mencuri akan meningkat. Ini kerana kebanyakan kes-kes jenayah datangnya dari perlakuan buli. Sekiranya pelajar menjadi pembuli, apabila mereka habis pengajian di sekolah kelak, akan terciptanya masalah sosial seperti gangsterisme dan buli jalanan yang akan membahayakan masyarakat sekeliling.

Terdapat pelbagai langkah pencegahan yang dapat diambil. Namun pencegahan buli sepatutnya bermula dari rumah dan seterusnya di sekolah. Ini kerana remaja terutamanya banyak menghabiskan masa mereka di sekolah dan rumah.

Pencegahan dari rumah setidak-tidaknya dapat mengurangkan kebejatan perlakuan buli dikalangan remaja. Sebagai ibu bapa, mereka perlu memantau aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh anak mereka. Ini mudah untuk para ibu bapa mengesan sebarang perubahan yang berlaku pada anak mereka dan dapat mengambil tindakan mencegah dengan segera. Ibu bapa juga perlu lebih menghargai anak mereka bagi membolehkan mereka mengembangkan bakat dan potensi anak mereka dalam bidang yang mereka minati seterusnya dapat menjauhi buli.

Pihak sekolah boleh melakukan pelbagai langkah pencegahan antaranya ialah memberi maklumat kepada pelajar tentang perlakuan buli dan keburukannya. Selain itu, pihak sekolah perlu menilai kembali rekod-rekod murid yang bermasalah dan yang berpotensi dalam masalah

buli ini. Sekolah juga perlu mengadakan program yang melibatkan ibu bapa agar mereka tahu penglibatan dan aktiviti sekolah dan dapat mengenali mereka dengan lebih dekat.

Kesimpulannya, perlakuan buli adalah tingkah laku yang ganas dan dapat memberi kesan kepada mangsa buli. Perlakuan buli terjadi kerana terdapat pelbagai faktor seperti faktor biologi dan perangai, pengaruh keluarga, rakan sebaya dan persekitaran telah menyebabkan masalah ini terus berleluasa dalam kalangan para pelajar. Faktor keluarga, rakan sebaya, sekolah, media dan faktor kawalan kendiri remaja menjadi punca kepada perlakuan buli. Kesan perlakuan buli boleh terjadi kepada pembuli, mangsa buli, ibu bapa dan masyarakat. Setelah kita mengetahui faktor-faktor terjadinya buli ini, kita dapat mengenal pasti kesan yang akan di terima oleh pelaku buli, orang yang di buli dan masyarakat amnya. Dengan adanya kajian-kajian yang berkaitan dengan faktor dan punca perlakuan buli ini, maka tindakan yang terbaik dapat diambil sekiranya kesan dan langkah pencegahan dapat dikenal pasti

CONTINUE...